



**PERATURAN PILIHANRAYA KAMPUS DAN PERLANTIKAN
MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA (MPM)
SESI 2011/2012**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa mengikut peruntukan Perlembagaan Kolej Universiti INSANIAH, Bahagian VI PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM seksyen 53, Persatuan Mahasiswa dan Majlis Perwakilan Mahasiswa, Subseksyen 2(b) keseluruhan pelajar-pelajar berdaftar hendaklah memilih melalui undi rahsia yang dijalankan oleh mana-mana pegawai yang dilantik oleh Rektor bagi maksud itu, beberapa orang pelajar berdaftar, sebagai mana yang ditentukan oleh Rektor, untuk menjadi wakil MPM. Oleh yang demikian, pemilihan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) ini adalah dipersetujui menerusi PILIHANRAYA MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA Sesi 2011/2012 dengan peraturan di bawah.

**BAHAGIAN I
KAWASAN PILIHANRAYA DAN BILANGAN KERUSI**

1. Rektor INSANIAH menerusi arahan bertarikh **15 OGOS 2011 (ISNIN)** menetapkan kawasan Pilihanraya dan bilangan kerusi yang dipertandingkan seperti berikut :-

1.1	Kerusi Umum	10 Kerusi
1.2	Kawasan Kulliyah Bahasa Arab	4 Kerusi
1.3	Kawasan Kulliyah Syariah	4 Kerusi
1.4	Kawasan Kulliyah Usuluddin	4 Kerusi
1.5	Kawasan Kulliyah Muamalat	4 Kerusi
1.6	Kawasan Kulliyah al-Quran	2 Kerusi
1.7	Kawasan Kulliyah Multimedia	1 Kerusi
1.8	kawasan Kulliyah Pengurusan Hotel & Perkhidmatan Halal	1 Kerusi
1.9	Kawasan Kulliyah Perubatan, Kejururawatan dan Sains Kesihatan	1 Kerusi
1.10	Kawasan Kulliyah Teknologi dan Sains Maklumat	1 Kerusi

Jumlah

32 Kerusi

BAHAGIAN II KELAYAKAN MEMILIH DAN MENJADI CALON

Seseorang pelajar yang berdaftar secara sah di INSANIAH untuk Sesi 2011/2012 adalah :

2. Layak menjadi pemilih.
3. Layak menjadi Calon Pilihanraya bagi Kerusi Umum dan calon bagi sesuatu kawasan dengan syarat bahawa calon tersebut telah mengikuti pengajian di INSANIAH sekurang-kurangnya satu semester dan telah menduduki peperiksaan.
4. Pelajar yang mempunyai kualiti fizikal, akhlak, peribadi yang baik.
5. Pelajar yang tidak pernah dikenakan tindakan disiplin @ amaran bertulis.
6. Pelajar yang mengulang tahun tidak dibenarkan menjadi calon.
7. Pelajar yang mendapat keputusan CGPA 3.00 ke atas adalah layak menjadi calon.

BAHAGIAN III URUSETIA PILIHANRAYA

8. Bagi melicinkan urusan Pilihanraya, Jabatan Hal Ehwal Pelajar bertindak sebagai Urusetia Pilihanraya.

BAHAGIAN IV PENAMAAN CALON

9. Tarikh, masa dan tempat untuk penamaan calon adalah seperti berikut:

Hari Penamaan Calon	:	25 SEPTEMBER 2011
Masa	:	9.00 pagi hingga 12,00 tengahari
Tempat	:	BILIK MESYUARAT JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
Borang Pencalonan	:	Boleh didapati di Jabatan Hal Ehwal Pelajar mulai 21 September 2011
10. Seseorang calon hanya boleh bertanding bagi satu **KAWASAN** sahaja.
11. Seseorang calon tidak boleh menjadi Pencadang dan Penyokong kepada calon lain.
12. Seseorang Pencadang dan Penyokong tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada seorang calon.

13. Calon, Pencadang dan Penyokongnya hendaklah membawa Kad Matrik, Kad Pengenalan, salinan keputusan peperiksaan semester yang lalu dan sebarang dokumen lain yang ditetapkan oleh Urusetia Pilihanraya sewaktu datang mengemukakan kertas penamaan calon.
14. Seseorang calon hendaklah dinamakan dengan menggunakan Kertas Penamaan Calon bagi Kerusi Umum Dan Kawasan seperti dinyatakan dalam borang A1 dan B1.
15. Tiap-tiap kertas Penamaan calon hendaklah diisi dengan lengkap dan betul dan hendaklah menyatakan :
 - 15.1 Nama Kawasan Pilihanraya yang baginya calon itu hendaklah dipilih.
 - 15.2 Nama penuh, nama-nama lain (jika ada), Nombor Kad Pengenalan, Nombor Matrik, Umur, Tarikh Lahir, Kuliyyah dan Tahun pengajian.
 - 15.3 Nama, Kulliyyah, Tahun Pengajian serta Nombor Kad Pengenalan dan Nombor Matrik Pencadang dan Penyokongnya, yang masing-masing hendaklah layak sebagai Pemilih.
 - 15.4 Nama, Nombor Kad Pengenalan dan alamat saksi yang di hadapan saksi itu calon itu menurunkan tandatangannya.
16. Tiap-tiap kertas Penamaan Calon hendaklah juga mengandungi tandatangan calon dan tandatangan semua orang berkaitan.
17. Tidak mematuhi mana-mana peraturan Kertas Penamaan Calon boleh menyebabkan Penamaan Calon itu ditolak.
18. Urusetia pilihanraya diberi kuasa dan berhak mengenakan apa-apa bayaran atau wang pertaruhan yang berkait dengan urusan penamaan calon.

BAHAGIAN V URUSAN PADA HARI PENAMAAN CALON

19. Pegawai Pengurus akan berada pada hari Penamaan Calon di Tempat Penamaan Calon antara jam 9.00 pagi hingga tamat urusan Penamaan Calon.
20. Tiap-tiap Kertas Penamaan Calon kerusi Umum dan Kawasan berserta borang Akuan (Borang A2 dan B2) hendaklah diserahkan sendiri kepada Pegawai Pengurus jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari oleh Calon itu, Pencadang, Penyokong dan Saksinya. Jika Kertas Penamaan itu tidak diserahkan oleh orang-orang tersebut atau tidak disertakan dengan Borang Akuan sebagaimana dikehendaki, Kertas Penamaan Calon itu tidak boleh diterima oleh Pegawai Pengurus.
21. Selepas Kertas Penamaan Calon diserahkan, Calon itu boleh dibenarkan membuat pembetulan pada Kertas Penamaan Calon itu di hadapan Pegawai Pengurus sebelum jam 1.00 tengahari.

22. Pegawai hendaklah dengan serta-merta, selepas jam 12.00 tengahari mempamerkan satu salinan Kertas Penamaan Calon bagi tiap-tiap Calon di suatu tempat yang mudah dilihat di sebelah luar tempat penamaan Calon itu.
23. Pegawai Pengurus hendaklah membenarkan mana-mana Calon dan Pencadang serta penyokongnya dan seorang lain, jika ada yang dilantik oleh tiap-tiap seorang calon sebagai wakilnya secara bertulis hadir pada hari Penamaan Calon dan di Tempat penamaan Calon antara jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan pada masa itu juga memeriksa Kertas Penamaan Calon yang diterima bagi Kawasan Pilihanraya yang berkenaan.

BAHAGIAN VI BANTAHAN TERHADAP KERTAS PENAMAAN CALON

24. Bantahan boleh dibuat terhadap sesuatu Kertas Penamaan Calon oleh Calon, Pencadang atau Penyokong bagi kawasan Pilihanraya itu atas semua atau mana-mana daripada alasan-alasan yang berikut, tetapi tidak atas apa-apa alasan lain, iaitu :
 - 24.1 bahawa butir-butir Calon itu tidak cukup untuk mengenalkan dirinya;
 - 24.2 bahawa Kertas Penamaan Calon itu tidak mematuhi atau telah tidak diserahkan mengikut Peraturan ini; dan
 - 24.3 bahawa Calon itu telah hilang kelayakan untuk menjadi calon di bawah peruntukan Perlembagaan INSANIAH.
25. Tiada apa-apa bantahan terhadap Kertas Penamaan Calon boleh dibenarkan melainkan bantahan itu dibuat kepada Pegawai Pengurus antara jam 1.00 petang hingga 2.00 petang pada Hari Penamaan Calon.
26. Tiap-tiap bantahan hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani oleh Pembantah dan hendaklah menyatakan alasan-alasan bantahan itu, dengan menggunakan Borang A3 dan B3.
27. Pegawai Pengurus berkuasa membuat bantahan dan menolak sesuatu pencalonan atas mana-mana alasan yang munasabah.
28. Pegawai Pengurus hendaklah dengan segera, selepas jam 2.00 petang pada hari penamaan Calon membuat keputusan mengenai sah tidaknya tiap-tiap bantahan dan memberitahu Calon yang berkenaan atau Pencadang atau Penyokongnya yang dinamakan dalam kertas Penamaan Calon atau Pembantahan yang selainnya mengenai keputusannya dan alasan-alasan keputusannya itu. Keputusan dan alasan-alasan keputusan itu hendaklah disimpan dalam rekod.

**BAHAGIAN VII
MENARIK BALIK PENCALONAN**

29. Seseorang Calon, boleh sebelum jam 2.00 petang Hari Penamaan Calon tetapi tidak selepasnya, menarik balik pencalonannya dengan memberi notis bermaksud demikian dalam Borang A4 dan B4. Borang itu hendaklah ditandatangani oleh Calon dan disaksikan oleh seorang saksi. Penarikan balik Pencalonan selepas jam 2.00 petang Hari Penamaan Calon akan dikenakan denda mengikut peraturan yang dibuat oleh Urusetia pilihanraya. Walau bagaimanapun, Borang-borang Penarikan Diri yang diserahkan dan diterima di Pejabat Urusetia Pilihanraya lewat dari jam 8.00 pagi sehari sebelum hari pembuangan Undi tidak akan dilayan dan tidak akan diproses. Calon-calon berkenaan akan dianggap tidak menarik diri.

**BAHAGIAN VIII
PILIHANRAYA YANG TIDAK DIPERTANDINGKAN**

30. Jika pada hari penamaan Calon dalam Kawasan Pilihanraya, selepas diputuskan oleh Pegawai Pengurus apa-apa bantahan yang mungkin telah dibuat, bilangan calon sah dinamakan bagi Kawasan Pilihanraya tersebut tidak melebihi bilangan kerusi yang dipertandingkan, Pegawai Pengurus hendaklah dengan serta merta mengisytiharkan calon yang sah dinamakan sebagai dipilih tanpa bertanding.
31. Sekiranya bilangan calon yang sah dinamakan tidak mencukupi untuk mengisi kerusi-kerusi yang dipertandingkan di dalam kawasan berkenaan, perkara ini hendaklah dimaklumkan serta merta kepada Jawatankuasa Pilihanraya dengan seberapa segera yang boleh bagi mengumumkan tarikh pilihanraya kecil.

**BAHAGIAN IX
PILIHANRAYA YANG DIPERTANDINGKAN**

32. Jika pada hari Penamaan Calon dalam Kawasan Pilihanraya, selepas diputuskan oleh Pegawai Pengurus apa-apa bantahan yang mungkin telah dibuat, lebih daripada sebilangan Calon sah dinamakan bagi Kawasan Pilihanraya tersebut, Pegawai Pengurus hendaklah dengan serta merta mengisytiharkan bahawa suatu pengundian akan dijalankan mengikut Peraturan ini.
33. Pegawai Pengurus hendaklah memutuskan dengan cara cabut undi susunan mengikut mana nama-nama calon akan dicatatkan dalam Kertas Undi.

BAHAGIAN X PERATURAN BERKEMPEN

34. Peraturan-peraturan berkempen yang dibuat oleh Urusetia Pilihanraya hendaklah dipatuhi oleh setiap Calon, Penyokong atau mana-mana pelajar yang boleh ditafsirkan bersimpati dengan calon itu.
35. Segala kegiatan dan tindakan seseorang Calon, Penyokongnya atau mana-mana pelajar yang boleh ditafsir bersimpati dengannya adalah sentiasa tertakluk dan terikat dengan kehendak-kehendak Perlembagaan INSANIAH dan Tatatertib Pelajar 2010.
36. Sebarang Kempen, usaha pemancingan undi atau rayuan untuk mendapat undi boleh diadakan **selepas calon sah dinamakan sehingga 27 September 2011.** Kempen hendaklah berakhir jam 12.00 malam.
37. Kawasan kempen adalah terhad kepada Kampus/Asrama INSANIAH sahaja.
38. Seseorang Calon bertanding atas namanya sendiri dan bukan atas nama parti, kumpulan atau pakatan. Oleh itu kempen atau apa-apa kegiatan pemancingan dan rayuan undi hendaklah atas nama Calon itu sendiri. Kempen atau apa-apa kegiatan pemancingan dan rayuan undi atas nama parti, kumpulan atau mana-mana parti, kumpulan atau pakatan adalah dilarang sama sekali.
39. Seseorang Calon tidak sekali-kali dibenar menerima apa-apa bantuan daripada punca luar dan dilarang sama sekali menggunakan orang-orang yang **bukan pemilih** untuk berkempen memancing undi bagi pihaknya.
40. Semua dokumen untuk kempen yang disebar dan/atau dipapar oleh atau bagi pihak seseorang Calon mendapat kelulusan dan mengandungi cop Ketua Pegawai Pengurus Pilihanraya. Urusetia boleh membuat peraturan tertentu berhubung dengan cara membuat dan menggunakan dokumen, risalah dan poster untuk berkempen.
41. Seseorang calon, penyokong-penyokong dan pelajar yang boleh ditafsir bersimpati dengannya adalah dilarang sama sekali dari berkempen, memancing undi, merayu undian mendapat sokongan dengan menggunakan cara dan taktik yang boleh ditafsir akan menimbulkan salah satu atau lebih daripada kesan-kesan berikut :
 - 41.1 menimbulkan perpecahan, permusuhan dan polarisasi di antara berbagai golongan masyarakat INSANIAH.
 - 41.2 menyentuh dan/atau mencemar nama baik Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri dan mana-mana pihak berkuasa kerajaan Malaysia dan kerajaan Negeri;
 - 41.3 menyentuh dan/atau mencemar nama baik Pentadbiran INSANIAH ini dan/atau mana-mana pegawai, pensyarah dan kakitangan INSANIAH ini; dan

- 41.4 menyentuh dan/atau mencemar nama baik seseorang Calon lain dan penyokong-penyokongnya.
42. Kelulusan daripada Pengerusi Urusetia pilihanraya hendaklah diperolehi terlebih dahulu untuk berkempen di khalayak ramai.
43. Calon sendiri dan penyokong-penyokongnya bertanggungjawab di atas apa-apa kesalahan jenayah atau sivil yang dilakukan oleh mereka.

BAHAGIAN XI PENGUNDIAN

44. Sebagai yang telah ditetapkan Hari Pembuangan Undi ialah pada **28 September 2011**.
45. Masa mengundi ialah antara jam **9.00 pagi hingga 2.00 petang**.
46. Pengundian akan dijalankan di Dewan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, INSANIAH, Kampus Stargate dan Kampus Sungai Petani
47. Pemilihan hendaklah dibuat dengan undi rahsia yang akan dijalankan secara manual.

BAHAGIAN XII PEGAWAI-PEGAWAI TEMPAT MENGUNDI

48. Tertakluk kepada arahan-arahan am Ketua pegawai Pengurus hendaklah melantik seorang Ketua Tempat mengundi dari kalangan Urusetia Pilihanraya atau kakitangan INSANIAH ini untuk mengetuai satu tempat Mengundi berkenaan dan Ketua Pegawai Pengurus boleh membatalkan itu pada bila-bila masa.
49. Ketua Tempat Mengundi ini hendaklah diberi satu salinan daftar pemilih yang mengandungi nama-nama pemilih dalam daftar itu yang diperuntukkan bagi Tempat Mengundi berkenaan.

BAHAGIAN XIII
KEMUDAHAN DI TEMPAT MENGUNDI

50. Dalam masa pengundian dijalankan Ketua Tempat mengundi hendaklah mempamerkan di sebelah luar tempat mengundi suatu notis yang pada asasnya memberi arahan-arahan untuk panduan pengundi-pengundi dalam mengundi.
51. Adalah menjadi kewajipan Ketua Pegawai Pengurus mengadakan di tiap-tiap satu Tempat Mengundi kemudahan-kemudahan yang berpatutan untuk membolehkan pengundi-pengundi yang diuntukkan kepada tempat Mengundi itu menandakan undi-undi mereka terlindung dari pandangan dan mengundi mengikut peruntukan Peraturan ini kepada ketua Tempat Mengundi untuk menetapkan cara bagaimana kemudahan-kemudahan itu hendak digunakan bagi pengundi-pengundi yang berhak mengundi dalam Pilihanraya itu.
52. Sesuatu Pilihanraya tidak boleh dipersoalkan semata-mata oleh sebab peruntukan-peruntukan Para 47 tidak dipatuhi.
53. Daftar pemilih yang pada masa itu berkuatkuasa adalah menjadi keterangan bagi maksud menentukan sama ada seseorang berhak atau tidak berhak mengundi dalam Pilihanraya ini.

BAHAGIAN XIV
KEBENARAN MASUK KE TEMPAT MENGUNDI

54. Tiada seseorang boleh dibenarkan masuk mengundi di mana-mana Tempat Mengundi kecuali di Tempat mengundi yang telah diuntukkan dalam daftar pemilih yang mengandungi namanya.
55. Ketua Tempat Mengundi hendaklah mengawal bilangan pengundi yang hendak dibenarkan masuk pada suatu masa dalam masa pengundian yang dijalankan dan hendaklah melarang semua orang lain dari memasuki Tempat Mengundi kecuali mereka yang terdapat kebenaran yang sah.
56. Adalah menjadi kewajipan Ketua Tempat mengundi menjaga ketenteraman di Tempat Mengundi. Jika seseorang melakukan perbuatan salah laku di sesuatu Tempat Mengundi orang itu boleh dengan segera dengan perintah Ketua Tempat Mengundi dikeluarkan dari Tempat Mengundi itu oleh seorang Pegawai Keselamatan yang berada di Tempat Mengundi tu atau dekat Tempat Mengundi itu atau oleh sesiapa yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengeluarkannya, dan orang yang dikeluarkan sedemikian tidak boleh tanpa kebenaran Ketua Tempat Mengundi, masuk semula ke Tempat Mengundi itu pada hari itu.
57. Kuasa-kuasa yang diberi oleh Peraturan ini tidak boleh dijalankan hingga menghalang seorang pengundi yang dalam hal lain, berhak mengundi di suatu Tempat Mengundi daripada mendapat peluang mengundi di Tempat Mengundi itu.

BAHAGIAN XV
MENYIARKAN KEPUTUSAN DAN PENYATAAN
MENGENAI PENGUNDIAN

58. Ketua Pegawai Pengurus hendaklah dengan serta merta selepas membuat Pengisytiharan keputusan Pilihanraya, mengisi dengan sempurna Borang B8 untuk dimaklumkan kepada Rektor INSANIAH. Ketua Pegawai Pengurus hendaklah juga memaklumkan keputusan pilihanraya tersebut di papan-papan kenyataan tertentu untuk perhatian pemilih-pemilih (pelajar).

BAHAGIAN XVI
SIDANG SYURA PASCA PEMILIHAN DAN PELANTIKAN
JAWATANKUASA EKSEKUTIF MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

59. Setelah keputusan pilihanraya diumumkan, satu sidang Syura Pasca Pemilihan dan Pelantikan Jawatankuasa Eksekutif Majlis Perwakilan Mahasiswa perlu diadakan dalam tempoh tujuh (7) hari yang terdiri daripada calon-calon yang menang dalam pilihanraya.
60. Senarai Jawatankuasa Eksekutif MPM perlu mendapat pengesahan Jawatankuasa Pilihanraya.
61. Pengumuman senarai muktamad Jawatankuasa Eksekutif MPM akan dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya dan perlantikan.

BAHAGIAN XVII
BIDANG KUASA URUSETIA PILIHANRAYA

62. Urusetia Pilihanraya menjalankan Pilihanraya mengikut Peraturan selaras dengan Perlembagaan INSANIAH. Urusetia Pilihanraya berhak membuat peraturan tambahan dan arahan bagi melicinkan perjalanan Pilihanraya ini.
63. Urusetia Pilihanraya berhak mengambil tindakan serta merta yang difikir wajar kepada mana-mana Calon atau penyokongnya yang menyalahi atau melanggar Peraturan Pilihanraya, Perlembagaan INSANIAH, Tatatertib Pelajar 2010, kaedah-kaedah dan undang-undang Negara, termasuk tindakan membatalkan Pencalonan Calon itu, dan/atau memperakukan supaya tindakan tatatertib diambil terhadap mereka yang berkenaan.
64. Sebelum Hari Penamaan Calon, menubuhkan sebuah Badan Rayuan, setelah berunding dengan Rektor INSANIAH, Dekan-dekan dan Pendaftar, jika difikirkan perlu.
65. Sebarang rayuan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengerusi Badan Rayuan dalam lapan salinan dan diserahkan sendiri oleh pihak yang merayu kepada Setiausaha Badan tersebut.
66. Sebarang rayuan hendaklah sampai kepada Badan Rayuan dalam masa 24 jam selepas pengumuman.
67. Dalam sebarang rayuan yang dikemukakan, keputusan Badan Rayuan adalah muktamad.

PROF. DR. WAN SULAIMAN BIN WAN YUSOFF
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar Pengantarabangsaan dan Alumni
Merangkap Pengerusi Pilihanraya
Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM)

Tarikh : 11 SEPTEMBER 2011: